



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEJADIAN GEMPA BUMI DI RANAU, SABAH PADA 5 JUN 2015 (JUMAAT)

Kementerian Kerja Raya mengambil perhatian berhubung beberapa dakwaan yang disiarkan di laman media sosial berhubung kesan kejadian gempa bumi yang berlaku di Negeri Sabah. Mengikut laporan yang disahkan, satu gegaran kuat akibat kejadian gempa bumi berskala Richter 6.0 telah berlaku pada jam 7.15 pagi, 5 Jun 2015 (Jumaat) selama lebih kurang 30 saat.

Antara Bangunan Gunasama Persekutuan yang terlibat adalah Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Ranau, Sabah. Hasil pemeriksaan Syarikat Konsesi Gemilang Maintenance Services Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab menyelenggara bangunan berkenaan didapati terdapat beberapa kerosakan seperti keretakan dinding dan cermin pecah telah berlaku. (Gambar dilampirkan)

Walau bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa yang terlibat memandangkan kejadian berlaku awal pagi dan kebanyakan kakitangan masih belum sampai ke pejabat. Setelah pemantauan dari segi keselamatan dan kerja-kerja pembersihan dilakukan oleh syarikat konsesi, kakitangan mula menggunakan bangunan seperti biasa.

Bermula jam 11.00 pagi, bangunan telah dikosongkan memandangkan kakitangan kerajaan di Ranau telah diberi pelepasan waktu bekerja ekoran tragedi ini. Syarikat konsesi bagaimanapun masih meneruskan pemantauan bangunan sehingga sekarang.

Manakala bagi situasi Jalan Persekutuan, tidak ada kerosakan major yang dilaporkan. Hanya berlau sedikit keretakan biasa (*pavement crackline*) di lokasi Route 22, Jalan Kota Kinabalu – Sandakan di KM 99.200 – 99.500 dan kesemua jambatan jalan persekutuan juga dilaporkan stabil dan tidak terjejas.

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

6 JUN 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my